



KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA

## KENYATAAN MEDIA

---

### **BERHUBUNG ISU PERTIKAIAN-PERTIKAIAN PERUSAHAAN DI ANTARA PERSATUAN BANK-BANK PERDAGANGAN TANAH MELAYU (MCBA) DENGAN KESATUAN KEBANGSAAN PEKERJA- PEKERJA BANK (NUBE)**

---

Jabatan Perhubungan Perusahaan Malaysia (JPPM) telah menerima aduan pertikaian perusahaan di bawah seksyen 18(1), Akta Perhubungan Perusahaan 1967 [Akta 177] berhubung dua isu. Pertama, isu Bantuan Perayaan (Festival Aid) pada 05.02.2024. Kedua, isu rundingan Perjanjian Kolektif ke-20 (bagi tempoh 01.01.2024 hingga 31.12.2026) pada 03.04.2024.

#### **Isu Bantuan Perayaan**

JPPM telah mengambil tindakan selaras dengan peruntukan di bawah seksyen 18(2), Akta 177 iaitu dengan mengadakan mesyuarat rundingan damai bagi membincangkan dan mencari jalan penyelesaian terhadap isu-isu yang dipertikaikan. JPPM telah mengadakan tiga (3) kali mesyuarat rundingan damai bagi isu pertikaian berhubung Bantuan Perayaan iaitu pada 19.02.2024, 21.03.2024 dan 27.03.2024. Namun begitu, tiada sebarang penyelesaian dapat dicapai oleh kedua-dua pihak.

Pada 03.04.2024, pihak MCBA telah memaklumkan kepada JPPM bahawa bayaran Bantuan Perayaan telah dilaksanakan pada 02.04.2024 dan 03.04.2024 kepada pekerja-pekerja di bawah skop keanggotaan NUBE iaitu satu (1) bulan gaji kepada pekerja kategori Bukan Perkeranian dan 0.5 bulan gaji kepada pekerja kategori Perkeranian dan Gred Khas. Bayaran ini turut dipanjangkan kepada pekerja kategori Pegawai (*Association of Bank Officers Peninsular Malaysia – ABOM*) sebanyak RM1,500.00.

Walaupun bayaran bantuan perayaan telah dilaksanakan, pihak NUBE masih meneruskan dengan tindakan bantahan dan serangan melalui platform sosial media. MCBA berpandangan tindakan ini adalah tidak selaras dengan *Procedures for MCBA/NUBE 20<sup>th</sup> Collective Agreement (2024-2026) Negotiations* yang telah dipersetujui oleh mereka secara bersama pada 22.01.2024.

YB Menteri Sumber Manusia telah merujuk aduan pertikaian perusahaan tersebut ke Mahkamah Perusahaan pada 16.04.2024 untuk suatu keputusan memandangkan kedua-dua pihak gagal mencapai penyelesaian terhadap isu berkenaan.

### **Isu Rundingan Perjanjian Kolektif**

Berhubung isu rundingan Perjanjian Kolektif ke-20, JPPM telah mengadakan dua (2) kali mesyuarat rundingan damai iaitu pada 15.04.2024 dan 23.04.2024. Namun begitu, kedua-dua mesyuarat tersebut tidak dihadiri oleh pihak NUBE walaupun pihak MCBA masih mahu meneruskan perundingan bagi menyelesaikan isu perjanjian kolektif tersebut.

Ketidakhadiran pihak NUBE dalam mesyuarat rundingan damai yang telah ditetapkan oleh Jabatan menyebabkan rundingan perjanjian kolektif menemui jalan buntu. Sehubungan itu, YB Menteri Sumber Manusia telah merujuk aduan pertikaian perusahaan tersebut ke Mahkamah Perusahaan pada 29.04.2024 untuk suatu keputusan yang adil dan saksama bagi menjaga kebajikan pihak-pihak yang terlibat.

Dalam apa jua keadaan, semua tindakan melibatkan isu-isu ini telah diambil selaras dengan peruntukan di bawah Akta 177.

**JABATAN PERHUBUNGAN PERUSAHAAN MALAYSIA (JPPM)  
KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA  
29 APRIL 2024**